

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), sebagai sebuah badan penyelidikan dan pemikir sentiasa berusaha memastikan setiap aktiviti dijalankannya turut melibatkan penyertaan masyarakat bukan Islam.

Pengerusinya Tun Abdullah Ahmad Badawi berkata ini bagi memastikan prinsip dan nilai-nilai Islam dapat difahami dengan jelas oleh semua anggota masyarakat di negara ini.

"Adalah tanggungjawab IKIM untuk menerajui dalam mencetus akal pemikiran masyarakat dan membincangkan agama Islam secara serius," kata Abdullah, yang juga bekas perdana menteri, semasa melancarkan buku 'Madrasah of Ramadhan, Lessons from Different Dimensions' dan menyampaikan anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2013 kepada 10 petugas IKIM, di sini Jumaat.

Katanya buku tersebut menghimpunkan 18 artikel pegawai akademik IKIM di akhbar-akhbar tempatan tentang pelbagai isu berkenaan Ramadan dari aspek kehidupan, budaya dan tamadun diterbitkan dalam bahasa Inggeris bagi memastikan penyebarannya lebih meluas.

Abdullah berkata buku itu bukan hanya menyentuh makna dan signifikan berkenaan Ramadan tetapi juga kesan kepada umat Islam selepas menjalani ibadah puasa.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1049846>